

**23 Nov Pengurusan Kes Rayuan Pendakwaan Terhadap Pembebasan Anwar  
Bernama  
7 September, 2012**

PUTRAJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Rayuan pendakwaan terhadap pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan ditetapkan untuk pengurusan kes pada 23 Nov.

Tarikh itu ditetapkan semasa pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan N. Kanageswari pada Jumaat.

Beliau menetapkan tarikh lain untuk pengurusan kes selepas nota keterangan tidak lengkap oleh itu, rekod rayuan juga tidak lengkap.

Peguam Anwar, Ram Karpal Singh berkata pihak pendakwaan dan pembelaan memerlukan masa untuk meneliti rakaman perbicaraan sebelum menetapkan tarikh perbicaraan.

Pada 9 Jan lepas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melepaskan dan membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwat Mohd Saiful, 26, di sebuah unit di Kondominium Desa Damansara, Bukit Damansara di sini antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692760>